



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 22 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	UBAH KANOPI JADI REBAN, XPRESI, METRO AHAD -36 & 37	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
2.	EX BROADCASTER REAPS REWARD FROM FISH FARMING, THE SUNDAY POST (KUCHING) -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	USAHAWAN RAJA SUNGAI, LOKAL, METRO AHAD -19	
4.	UBAH JANTINA SANG SEPIT BIRU, PANORAMA, KOSMO AHAD -15	
5.	MERINTIS PENTERNAKAN UDANG GALAH MONOSEKS, PANORAMA, KOSMO AHAD -16	
6.	TITIK PERUBAHAN PENTERNAKAN UDANG GALAH, PANORAMA, KOSMO AHAD -17	
7.	MARKETING REFERENCE CENTRE DEVELOPED, BERITA NASIONAL -TV1	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2021	METRO AHAD	XPRESI	36



UBAH KANOPI JADI REBAN

Tauke katering guna khemah terpakai ternak 5,000 ayam kampung

DEDAK berbeza diberikan mengikut usia ayam

AGRO

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@metro.com.my

Idea menternak ayam kampung dalam kanopi tercetus sebaik perniagaan katering yang diusahakan Baharuddin Mohamed, 45, lebih 12 tahun tidak dapat diteruskan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpanjangan.

Pemilik syarikat Dimpiana Enterprise itu mengakui, berbanding binaan yang menelan kos lebih tinggi, dia lebih selesa menggunakan kanopi terpakai sebagai reban bagi memelihara 5,000 ayam.

"Baka ayam kampung hibrid atau kacuk ini tahan lasak dan tidak perlukan reban tinggi seperti kandang kambing. Kalau dilihat pada reban komersial juga, ayam ini dipelihara pada aras tanah.

"Ini kerana sifat semula jadi ayam suka mengals, jadi saya terfikir gunakan kanopi (berukuran 6.1 meter x 6.1 meter) yang sebelum ini saya gunakan dalam perniagaan katering untuk ditukar kepada reban

ayam. Daripada dibiarkan mereput kerana disimpan begitu sahaja, lebih baik digunakan untuk perkara lain.

"Saya guna tiga kanopi untuk bela 5,000 ayam kacuk dan hanya penambahan iaitu simen dan pendawaian asas untuk kipas serta lampu bagi memudahkan kerja mengurus ladang," katanya.

Tambah Baharuddin, jika pembinaan reban untuk kapasiti ayam yang sama, dia memerlukan belanja tidak kurang RM100,000 bagi pembinaan reban komersial.

Tetapi, dengan kaedah menggunakan kanopi, dia hanya membelanjakan kos permulaan sekitar RM10,000 bagi infra asas untuk menternak ayam dengan penggunaan kanopi.

"Bunyiya mungkin pelik, membela ayam guna kanopi kerana tiada orang yang memulakannya. Saya sendiri pernah viral gara-gara dirikan reban kanopi dalam ladang sehingga polis datang melawat kerana menyangkakan ada majlis.

"Lama-kelamaan apabila sudah dapat hasil pertama

BAHARUDDIN bersama ayam kampung kacuk turut viral dengan ayam kanopi



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2021	METRO AHAD	XPRESI	37

dan dijual kepada penduduk sekitar terutama Batu Pahar dan Muar, Johor mereka mula tertima idea saya ini suatu yang unik.

"Malah, sudah menjadi ikutan apabila ada yang mula ternak ayam kecil-kecilan dengan kaedah sama. Pada saya misi untuk didik orang kampung atau peniaga kecil mengenal betapa mudahnya menjana pendapatan menerusi pertanian sudah tercapai," katanya.

Mengenal pemilihan ayam kampung kakuk sebagai ternakan untuk menjana pendapatan, katanya, baka itu direka untuk mengeluarkan hasil yang pantas dengan saiz atau berat daging mampu memenuhi permintaan pasaran.

"Ayam kakuk kampung sesuai sebagai ternakan menjana pendapatan kerana kitaran atau pusingan ternak dari anak hingga

usia boleh disembelih iaitu kira-kira 70 hari.

"Penjagaan juga tidak rumit dan saya sendiri hanya mengupah seorang pekerja untuk pantau 5,000 ayam. Keperluan ternak ayam kampung baka ini mudah iaitu hanya perlu sediakan makanan dan air mencukupi.

"Jika cuaca terlalu panas seperti di tengah hari, biasanya pekerja akan hidupkan kipas komersial (kipas katering) untuk memastikan pengudaraan baik dalam kawasan reban kanopi terbabit," katanya.

Penting juga memastikan aspek kebersihan iaitu membersihkan kawasan reban setiap dua minggu menggunakan larutan organik serba guna mengandungi mikrob berfaedah (EM) bagi memastikan ayam dalam keadaan sihat.

Berkongsi formula untuk makanan pula,



Keperluan ternak ayam kampung baka ini mudah iaitu hanya perlu sediakan makanan dan air mencukupi
BAHARUDDIN

Baharuddin memaklumkan diet disarankan oleh penternak komersial adalah menggunakan tiga dedak berbeza mengikut fasa usia ayam terbabit.

"Ayam ini tempoh matang untuk pasaran ialah boleh mencapai berat 1.8 kilogram hingga 2.5 kilogram bergantung kepada permakanaan.

"Dalam ladang, amalan saya ialah pada usia sehari hingga 20 hari, saya akan berikan dedak permulaan yang tinggi protein.

"Pada hari ke-21 hingga hari ke-60 pula, dedak biasa dan baki 10 hari pula adalah dedak khas yang dipanggil 'finishing'.

"Secara kasar pengiraan kos untuk setiap ekor ayam, perlukan sekitar empat kilogram dedak dalam tempoh 70 hari dengan anggaran kos RM8.80. Harga ini berubah mengikut harga pasaran dedak antara RM110 hingga RM130 untuk setiap



TEMPAT pemrosesan ayam.



AYAM diproses juga masih pada harga mampu milik.



KANOPI sebagai reban ayam.



PRODUK hiliran untuk optimumkan pendapatan.



AYAM ditangkap sendiri pelanggan jauh lebih murah.

50 kilogram," katanya.

Ketika ini kata Baharuddin, pasaran ayamnya hanya mampu menampung permintaan jualan langsung terus kepada pelanggan yang datang ke ladangnya.

"Konsep jualan saya juga lain. Saya tidak pasarkan ke pemborong kerana permintaan sedia ada iaitu dalam kalangan pembeli terdiri daripada orang kampung dan peniaga kecil masih tidak mencukupi.

"Saya tawarkan harga jualan berbeza mengikut kaedah pembelian iaitu RM14 per kilogram bagi produk yang siap proses dan kalau pembeli yang datang serta tangkap sendiri saya kira sekor RM15.

"Mereka boleh beli mengikut bajet sendiri dan saya mahu sediakan produk

pertanian sihat serta mampu milik untuk orang kampung," katanya.

Kini Baharuddin turut kembangkan perniagaan ayam kampung apabila mengambil langkah berani dengan memajak ladang komersial bagi memelihara 20,000 ayam kampung.

Dia mengoptimalkan jualan ayam kampung bukan sahaja sebagai daging segar, malah turut menghasilkan produk hiliran, iaitu ayam kampung perap madu untuk tingkatkan pendapatan yang sebelum ini terjejas akibat Covid-19.

Belau turut aktif memberi bimbingan kepada petani belia menerusi platform Facebook untuk membantu mereka menjana pendapatan menerusi aktiviti pertanian.

FOTO: IHSAN AHMAD FIDDAUS SHAARI

22 AUG, 2021

Ex broadcaster reaps reward from fish farming

The Sunday Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 2



Kelah fish are one of the most highly demanded and exotic freshwater fish in the country for its health benefits. — Bernama photos

Ex broadcaster reaps reward from fish farming

JELERU: About six years ago, Zulfadly Harun's keen interest in kelah farming, due to its great potential in the local market, prompted him to quit his broadcasting career to venture into the breeding of the 'king of the river'.

The bold action taken by 41-year-old Zulfadly paid off when he became one of the three young people in the state to successfully breed and hatch the kelah fish. (thus becoming one of the main producers of priced fish in Negeri Sembilan).

Zulfadly who also successfully built his own hatchery, Tebat Sanctuary in Kampung Simpang Gelam here with his five friends, said they were able to earn tens of thousands of ringgit a year through kelah farming.

"I was involved in broadcasting for more than five years, producing documentaries on forests, aquatic life, and tried to apply the knowledge I had at work. However, I wanted to try something new.

"My grandfather used to rear fish on a small scale. So I decide to return to my village to pursue my hobby since childhood," he told Bernama recently.

According to the aquaculture entrepreneur, kelah fish or its scientific name *Tor tambroides* is one of the most highly demanded and exotic freshwater fish in the country for its health benefits.

He said the declining fish population due to river pollution and illegal fishing also prompted him to seriously venture into this field besides supporting the efforts of the Negeri Sembilan Fisheries Department (JPNS) to increase the number of kelah species in state rivers.



Zulfadly interview by Bernama at his hatchery.

The Seremban-born breeder said he started the project in 2016 using his own capital of almost half a million on five acres of land owned by his family. He also took courses at the Freshwater Fisheries Research Centre.

Besides, angling for wild kelah in the river, he said the Kelah seeds were also bought from suppliers throughout the country, including from Terengganu, Johor, and Perak.

As for the breeding method, Zulfadly said the female fish is injected with ovaprime hormone to induce ovulation and stimulate the fish to produce eggs in large quantity of about 1,000 eggs each time.

"The process is done quarterly, and the growth rate of kelah

is 30 per cent faster than wild freshwater fish in the river," he said, adding that there are several other species bred in the hatchery, including terbol and sebarau.

Admitting that he had setbacks in the early stages due to the lack of knowledge on fish care, Zulfadly said that did not dampen his spirit despite losing thousands of ringgit.

"There have been instances when many fish died due to power outages, as well as poor oxygenation. We had to use generators to have a continuous electricity supply to keep the fish alive," he said, adding kelah requires meticulous care compared to other freshwater fishes.

He said JPNS often go down to the field to monitor fish farming projects.

Besides, they also get support and equipment including courses, water pump machine facilities and fibre tanks.

In the future, Zulfadly said he plans to build another mini hatchery to assist young breeders in producing kelah seeds without depending on the wild kelah as well as protecting it from being exploited.

Meanwhile, JPNS director Halimi Abu Harip said the department is encouraging interested individuals to venture into fish farming, by providing assistance including technical services, courses, and others. — Bernama



22 AUG, 2021

Ex broadcaster reaps reward from fish farming

The Sunday Post (Kuching), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kelah fish are one of the most highly demanded and exotic freshwater fish in the country for its health benefits. — Bernama photos

JELEBU: About six years ago, Zulfadly Harun's keen interest in kelah farming, due to its great potential in the local market, prompted him to quit his broadcasting career to venture into the breeding of the king of the river'.

Jelebu

Minat yang mendalam terhadap penernakan ikan kelah yang berpotensi besar dalam pasaran tempatan, mendorong seorang pemuda di sini tekad menaigalkan kerjayanya dalam bidang penyiaran sejak enam tahun lalu, bagi mengusahakan ternakan raja sungai itu.

Tindakan berani diambil Zulfady Harun, 41, nyata membuahkan hasil apabila beliau menjadi antara tiga anak muda di negeri ini yang berjaya melakukan pembenihan dan penetasan anak ikan kelah, sekali gus menjadi antara pengeluar utama hidupan air itu di Negeri Sembilan.

Beliau yang turut berjaya membina tempat penetasan sendiri iaitu Tebat Sanctuary di Kampung Simpang Gelami di sini bersama lima lagi sahabatnya itu berkata, mereka mampu meraih pendapatan mencecah puluhan ribu ringgit setahun melalui ternakan kelah.

"Saya terlibat dalam bidang penyiaran lebih lima tahun dan banyak terlibat dalam dokumentari yang berkisarkan hutan, hidupan air dan sebagainya, jadi minat yang ada dalam diri tidak hilang malah saya aplikasikan pengetahuan itu dalam kerjaya saya ketika itu.

"Bagaimanapun, saya ingin cuba sesuatu yang baharu lebih-lebih lagi datuk saya dulu pun ada menernak ikan, tapi hanya dalam

USAHAWAN RAJA SUNGAI

Pemuda tinggalkan dunia penyiaran kerana minat mendalam terhadap ikan kelah

skala kecil jadi saya ambil keputusan balik kampung untuk teruskan hobi saya sejak kecil itu," katanya.

Menurut usahawan akuakultur itu, ikan kelah atau nama saintifiknya *Tor tambroides* menjadi antara hidupan eksotik di negara ini, dan mendapat permintaan tinggi serta harga mahal di pasaran memandangkan ia merupakan hidupan yang jarang ditemui, selain mempunyai khasiat untuk kesihatan.

Katanya, populasi ikan itu yang semakin berkurangan, susulan pencemaran sungai dan pemburuan haram turut mendorongnya untuk serius mencuburi bidang itu, selain menyokong usaha Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS), dalam memperbanyakkan lagi spesies kelah di perairan negeri.

Bercerita lanjut, pemuda kelahiran Seremban ini berkata, dia memulakan projek itu pada 2015 menggunakan modal sendiri dengan kos keseluruhan ham-

pir setengah juta di tanah berkeluasan lima ekar milik keluarganya selain turut mengikuti kursus di Pusat Penyelidikan Perikanan Air Tawar (FRI Glami Lemi) di sini.

Jelasnya selain tangkapan liar di sungai, benih kelah berkenaan juga dibeli daripada pembekal di seluruh negara termasuk di Terengganu, Johor dan Perak, dan sehingga kini lebih 40,000 anak benih berjaya di biakkan di tempat penetasannya, serta jumlah induk terkini sekitar 100 ekor.

Menurut Zulfady bagi kaedah pemblikan, induk kelah betina akan disuntik hormon *ovaprima* untuk tujuan kesuburan dan merangsang ikan berkenaan mengeluarkan telur dalam kapasiti yang banyak, kira-kira 1,000 anak benih bagi setiap seekor induk.

"Proses berkenaan dilakukan empat kali setahun dan kadar pembesaran ikan kelah adalah 80 peratus lebih cepat, berbanding kelah liar yang hidup di habitat asalnya," katanya sambil menambah terdapat be-

berapa spesies lain diternak di tempatnya termasuk terbol dan sebarau.

Zulfady berkata, kelah berkenaan dijual mengikut saiz dengan minimum RM10 seekor untuk ikan berukuran satu ke dua inci kepada pelanggannya di seluruh negara, sama ada untuk tujuan hiasan dan makanan, namun susulan Perintah Kawalan Pergerakan permintaan untuk hidupan air itu turut merosot.

Mengakui pernah menemui kegagalan pada peringkat awal pembabitannya dalam bidang tersebut, susulan kekurangan pengetahuan mengenai penjagaan ikan, namun ia tidak mematahkan semangat anak muda ini meskipun kerugian ribuan ringgit.

"Ada kejadian banyak ikan mati disebabkan bekalan elektrik terputus dan ikan dalam kolam kekurangan oksigen, rugi banyak kerana itu, jadi untuk atasi kita guna jenerador bagi membekalkan elektrik secara berterusan," jelasnya sambil berkata kelah memerlukan penjagaan yang sangat rapi berbanding ikan air tawar yang lain.

Menurutnya, JPNS sering turun padang memantau projek ternakan ikannya, selain turut mendapat soko-



ZULFADLY memeriksa kualiti air tadahan akuarium yang memelihara ikan kelah miliknya.



SENTIASA melakukan pemeriksaan pada benih ikan kelah.

ngan dan peralatan termasuk kursus, kemudahan mesin pam air dan tangki fiber.

Mengenai perancangan masa depannya, Zulfady berkata, dia berhasrat membina sebuah lagi panti benih mini bagi membantu penternak khususnya golongan muda dalam menghasilkan benih kelah sendiri tanpa bergantung kepada benih liar, sekali gus melindungi benih itu daripada dieksploitasi secara berlebihan. Sementara itu, Pengarah JPNS Halimi Abu Hanip berkata, pihaknya sentiasa memberi galakan ke-

pada orang ramai yang berminat mencuburi bidang penernakan ikan termasuk dari segi khidmat teknikal, kursus dan bantuan tertentu.

"Mereka juga boleh memohon bantuan input akuakultur dengan syarat telah berdaftar dengan JPNS, dan sekurang-kurangnya sudah mengeluarkan hasil buat kali pertama, manakala bagi anak muda yang berumur di bawah 40 tahun boleh memohon skim bantuan Agropreneur Muda," katanya.

Halimi berkata, pihaknya juga komited membantu golongan muda yang berkeinginan untuk meningkatkan lagi pengeluaran hasil akuakultur di negeri ini.

ZULFADLY memulakan projek ternakan ikan kelah pada 2015 menggunakan modal sendiri dengan kos keseluruhan hampir setengah juta.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2021	KOSMO AHAD	PANORAMA	15

Impresi Kehidupan

Kosmo/ Ahad 22.08.2021

Panorama

Ubah jantina Sang Sepit Biru



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2021	KOSMO AHAD	PANORAMA	16



UDANG galah atau Sang Septi Biru yang dihasilkan dan ditenak di GK Aqua berkualiti tinggi. - IZZAT TERMIZIE

Merintis penternakan udang galah monoseks

KESUNGGUHAN seorang anak muda untuk melihat Sang Septi Biru atau udang galah Malaysia diangkat sebagai salah satu legasi negara yang terkenal di persada dunia membawa kepada pembangunan dan penyelidikan hidupan air ini menggunakan bioteknologi monoseks atau satu jantina sahaja.

Mengimbau sejarah, Malaysia adalah negara pertama yang mula mengusahakan penternakan udang galah pada era 1960-an sehingga menyebabkan negara asing memberi gelaran 'Udang Malaysia'.

Namuni, semua itu hanya tinggal kenangan apabila penghasilan udang galah negara kini lebih rendah berbanding negara-negara seperti Bangladesh, China, Thailand dan Vietnam disebabkan industri penternakan udang galah tidak dapat berkembang berikutan masalah kualiti benih dan induk.

Menyedari perkara itu, Giva Kuppasamy, 36, yang mengusahakan kolam penternakan udang galah dikenali GK Aqua di Bukit Pelanduk, Port Dickson, Negeri Sembilan menjadi perintis dengan mengaplikasikan kaedah bioteknologi bagi menghasilkan benih udang galah secara satu jantina iaitu jantan.

"Melalui kaedah monoseks ini hanya udang galah jantan digunakan.

"Untuk pembiakan, beberapa udang galah jantan akan disuntik menerusi teknik pembedahan mikro pada kelenjar androgeniknya lalu berubah menjadi seakan-akan betina yang dipanggil neo-female.

"Apabila udang itu telah matang, ia dipasangkan dengan induk jantan normal bagi proses mengawan dan benih yang terhasil daripada neo-female itu akan 90 peratus atau hampir kesemuanya adalah jantan," katanya ketika ditemui Panorama di kolam ternakan udang galahnya.

Giva yang merupakan graduan bioteknologi dari Universiti Malaya berkata, udang galah jantan lebih tahan lasak dan cepat membesar berbanding campuran benih jantan dan betina di dalam satu kolam.

"Menerusi kaedah penternakan



BEBERAPA petugas di GK Aqua, Port Dickson, Negeri Sembilan sedang melakukan proses suntikan ke atas udang galah jantan untuk dijadikan seakan-akan betina bagi proses pembiakan.

monoseks ini juga mampu meningkatkan jumlah pengeluaran empat kali ganda lebih tinggi di mana benih-benih atau pascalarva udang akan membesar menjadi udang yang sesuai untuk dijual dalam tempoh empat bulan sahaja berbanding kaedah konvensional yang menjangkau enam hingga sembilan bulan," katanya yang mengusahakan GK Aqua sejak 2016.

Mengulas lanjut, Giva berkata, pengalangan daripada para penternak yang turut menggunakan benih dikeluarkan oleh GK Aqua mendapati benih-benih ini mampu menghasilkan udang berkualiti walaupun harga benih sedikit mahal iaitu 12 sen, manakala benih daripada kaedah konvensional melibatkan penggunaan



Oleh
NOR SHAFAWATI
YUP

induk liar berharga 7 sen.

"Berdasarkan rekod, 100,000 benih melalui kaedah monoseks ini mampu menghasilkan 1.2 hingga 1.6 metrik tan udang galah berbanding 100,000 benih kaedah konvensional melibatkan induk liar yang cuma memberi pulangan sekitar 300 hingga 400 kilogram (kg).

"Selain itu, kita mempunyai makmal penyelidikan bagi mengenal pasti setiap benih udang galah yang dihasilkan itu bebas penyakit kerana misi syarikat adalah memfokuskan kepada kualiti supaya penternak dapat udang galah yang bagus," katanya yang menjelaskan GK Aqua menjual benih dan udang galah hidup, selain melakukan penyelidikan.

Jelas anak muda ini, pelanggan tidak perlu risau memandangkan kaedah monoseks itu sudah mendapat perakuan daripada Jabatan Biokekeselamatan dan Jawatankuasa Penasihat Pengubahausahaan Genetik, jadi tidak timbul sebarang isu.

Udang galah atau nama saintifiknya *Macrobrachium rosenbergii* memerlukan penjagaan yang sangat rapi dan air yang digunakan ibarat 'darah' yang menjadi nadi penting dalam ekosistem penternakan hidupan ini.

Setiap hari menjadi rutin rakan Giva, Yap Chuen Ling, 34, selaku Pengurus Hatcheri (Pusat Pembiakan) di kolam udang galah berkeluasan enam ekar (2.428 hektar) ini untuk

E K S T R A UDANG GALAH

- Nama saintifiknya ialah *Macrobrachium rosenbergii*
- Penternakan udang galah dimulakan di Malaysia pada era 1960-an sehingga udang galah digelar 'Udang Malaysia'
- Dikenal sebagai Sang Septi Biru
- Penternakan konvensional melibatkan penggunaan penggunaan Induk liar jantan dan betina yang kemudian menyebabkan kemerosotan habitat semula jadi hidupan ini
- Bagi melonjak kualiti udang galah, GK Aqua di Negeri Sembilan telah merintis penternakan udang galah jantan sahaja kerana anak udang jantan lebih tahan lasak dan cepat membesar selain gus meneroka teknologi memulak jantina sesetengah udang galah bagi proses pembiakan



CHUEN LING sedang menyediakan salah satu kolam ternakan.

memantau suhu serta kandungan air dalam setiap kolam ternakan.

Air laut turut digunakan dalam proses penternakan ini.

"Sebelum ini kami beroperasi di Lenggang tetapi atas faktor kos untuk mendapatkan air laut agak tinggi kami berpindah ke Bukit Pelanduk, Port Dickson tahun lalu kerana air laut boleh dibekalkan secara terus ke kolam ternakan di sini.

"Suhu air dipantau dan kandungan mineral dalam kolam ternakan harus sentiasa dipastikan mencukupi selain air perlu dirawat setiap 15 hari," katanya yang memberitahu campuran air tawar dan air laut sesuai dengan habitat udang galah.

Bagi proses mengawan atau pembiakan, Chuen Ling berkata, sebanyak 1,000 induk udang galah yang bersesuaian iaitu bersaiz 70 gram (g) akan ditempatkan dalam satu tangki benih proses 'kahwin' dan bertelur sehingga menghasilkan dua ke tiga juta benih.

"Proses mengawan ini mengambil masa dua bulan sehingga induk udang galah bertelur. Selepas 28 hari, pascalarva atau kita panggil benih boleh dijual kepada pelanggan.

"Benih yang baik hasil daripada induk yang berkualiti, jadi kita perlu pastikan penjagaan yang rapi. Induk di sini diberi makanan dan diet yang seimbang," katanya lagi.



CHUEN LING sentiasa membuat pemantauan di kolam-kolam ternakan udang galah.

GIVA menunjukkan seekor udang galah yang dihasilkan secara penternakan monoseks di GK Aqua sambil memegang sebuah bikar mengandungi benih-benih udang.

Menurut Chuen Ling, selepas empat bulan, udang galah akan membesar sehingga 80 gram dan boleh dianggap 'udang galah premium' dalam tempoh enam bulan.

Sang Septir Biru bersaiz premium antara 150 hingga 200 g mempunyai isi yang paling sedap dimakan dan mendapat permintaan tinggi di Asia Barat terutama Dubai, RmIriyah Arab Bersatu.

Beralih mengenai aspek pemasaran, Giva yang juga lulusan Sarjana Bioteknologi Akuakultur Universiti of St. Andrews Scotland berkata, kini dia memfokuskan kepada pasaran udang galah di luar negara kerana permintaan tinggi selain dapat mengembalikan semula nama Udang Galah Malaysia di peringkat antarabangsa.

"Menariknya, udang galah ini boleh dieksport ke luar negara tanpa air di mana kita sejukkan dan tidurkan hidupan ini kemudian dibungkus dalam beg beroksigen sebelum di bawa menaik kapal terbang.

"Melalui kaedah ini, udang galah boleh bertahan selama 12 jam dan mengurangkan kos," katanya.

Giva memberitahu, bagi setiap penghantaran boleh melibatkan sehingga 400 kg udang galah hidup.

Buat masa ini, Giva berkata, GK Aqua turut menyediakan perkhidmatan menjual udang galah hidup bersaiz besar yang dihantar terus ke rumah sekitar Port Dickson, Seremban dan Lembah Klang.

"Pelanggan boleh memilih sama ada Set A iaitu sekotak mengandungi tujuh ekor udang galah hidup jumbo saiz XL pada harga RM39 atau Set B satu kotak lima ekor udang galah hidup super jumbo saiz XXL pada harga RM43," katanya.

Titik perubahan penternakan udang galah

USAHA berterusan perlu dilakukan bagi meningkatkan industri penternakan udang galah seterusnya mampu memenuhi pasaran tempatan tanpa perlu bergantung kepada komoditi dari negara luar.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, majoriti pengeluar benih udang galah di negara kita masih bergantung harap kepada sumber induk liar yang bertelur untuk produktiviti benih.

"Inilah realiti industri udang galah hari ini, sehinggakan timbul kebimbangan bahawa aktiviti peneualan induk liar akan merosotkan sumber semula jadi Sang Septir Biru di habitat asalnya.

"Justeru, pencapaian GK Aqua dalam bioteknologi monoseks merupakan suatu *game changer* atau titik perubahan ke arah Revolusi Industri 4.0 yang harus dibanggakan," katanya kepada *Panorama*.

Jelas Halimi, hal ini juga dapat menjadi pemangkin dalam merealisasikan hasrat Jabatan Perikanan Malaysia untuk mengangkat Negeri Sembilan sebagai Lembah Penternakan Udang Galah Negara.

Sementara itu, pemilik Restoran Warung Salai Port Dickson, Ishanira Bahari, 39, berkata, menu udang galah masak lemak cili padi mempunyai penggemar tersendiri dan antara menu laris di kedainya.

"Setiap kali kita masak hidangan masak lemak udang galah ini mesti habis dalam tempoh masa singkat kerana pelanggan suka walaupun harganya agak mahal.

"Ada yang suka bahagian kepala dan rasa isinya yang kenyal. Kuah lemak manis daripada air udang membuatkan ada pelanggan yang sanggup datang dari jauh untuk merasai menu ini," katanya yang mengusahakan restoran sejak 2017.

Ishanira yang mesra dengan panggilan Angah Salai berkata, keunikan udang galah septir biru ini terletak pada bahagian septirnya yang mempunyai isi jika pandai dimakan.

"Bekalan udang galah segar ini saya peroleh daripada pembekal di Port Dickson. Bagi satu hidangan tujuh ekor udang galah septir biru bersaiz sederhana, saya jual pada harga lebih kurang RM35 atau bergantung harga pasaran," katanya.



ISHANIRA bersama salah satu menu udang galah yang menjadi kegemaran pelanggan.



HALIMI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2021	TV1	BERITA NASIONAL	

MARKETING REFERENCE CENTRE DEVELOPED



BANTU OPTIMUMKAN HASIL PENDAPATAN USAHAMAN TANI